



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
www.islam.gov.my

قندیدیقی

PENDIDIK

Bil 1/2023

Membina Generasi Berhemah Tinggi

"KISAH NABI ADAM"

- MUTIARA HADIS
- FARDU AIN/KIFAYAH
- SEGMENT HUKUM
- MENGENAL CIPTAAN TUHAN
- KISAH NABI
- SOAL JAWAB AGAMA
- CERPEN

ISSN 3009-1020



Sidang Redaksi



PENAUNG:
Datuk Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff
(Ketua Pengarah JAKIM)



PENGARANG:
Mohd Meeftah Bin Anuar
(Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Penerbitan JAKIM)



PENGURUS EDARAN:
Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan



PENASIHAT:
Tuan Haji Ruslan Bin Said
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))



PENOLONG PENGARANG:
Nur Madiah Binti Rakes Junaidi



PEMBANTU EDARAN:
Husna Salsabila Binti Mohd
A'Ikhsan
Nurain Atiqah Binti Mohd Hazim



KETUA PENGARANG:
Azman Bin Mat Hassan
(Pengarah Bahagian Penerbitan, JAKIM)



PENYUNTING:
Mohamad Zahir Bin Abdul Halim

REKABENTUK:
Percetakan Norfatimah Sdn.Bhd

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya

Tel : 03-8870 7000
Faks : 03-8870 7003
E-mel : ukkjakim@islam.gov.my


Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulung mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Pendidik diterbitkan secara dalam talian oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab berkaitan kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Kandungan

SIDANG REDAKSI	2
LAMAN PENGARANG	4
MUTIARA HADIS	5
Persahabatan	
FARDU AIN/KIFAYAH	7
SEGMENT HUKUM	9
Hukum Melaungkan Azan Dalam Keadaan Berbaring	
MENGENAL CIPTAAN TUHAN	11
Peredaran Matahari, Bulan Dan Bumi	
KOMIK	14
KISAH NABI	15
Kisah Nabi Adam: Manusia Pertama Ciptaan Allah	
SOAL JAWAB AGAMA	18
Tarian Dan Senaman	
AKTIVITI	19
Cara Membuat Origami Burung	
CERPEN	20
Buku Nota Dari Atok	
SAJAK DAN LUKISAN	25
Menjadi Anak	



SIAPAKAH MUKMIN TERBAIK?

Nasihat Ustaz

Haji Mohd Meeftah bin Haji Anuar
Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Penerbitan JAKIM

Assalamualaikum anak anak semua,

Tahukah anak anak, siapakah mukmin yang paling terbaik disisi Allah SWT?

Dari Saidina Umar Al Khattab RA bahwa ia berkata, "Ketika kami sedang duduk bersama Rasulullah, tiba-tiba muncul seorang sahabat Ansar,

Setelah mengucap salam kepada Baginda, ia bertanya, "Ya Rasulullah, siapakah orang mukmin yang terbaik itu?" Baginda menjawab, "Yang paling baik akhlaknya." Ia bertanya, "Siapakah orang mukmin yang paling bijak?" Baginda menjawab, "Yang paling sering ingat kematian dan yang sentiasa membuat persiapan terbaik untuk menyambut apa yang terjadi sesudahnya. Maka mereka itulah orang yang paling bijak".

(HR At-Thabrani, Ibnu Majah & Malik)

Seterusnya dalam hadis lain, Rasulullah SAW bersabda, "Orang bijak adalah orang yang sering mengoreksi dirinya sendiri dan beramal untuk kepentingan akhirat nanti. Dan orang bodoh ialah orang yang sentiasa mengikuti hawa nafsunya, namun mengharapkan kebaikan dari Allah."

(HR At-Tirmidzi, Ibnu Majah dan Ahmad)

Subhanallah, inilah ciri-ciri orang mukmin yang terbaik wahai anak-anak. Selalulah kita bersemangat untuk belajar ilmu-ilmu yang boleh mendekatkan diri kita kepada Allah SWT dan sentiasa semangat untuk beribadah serta beramal soleh untuk keselamatan kita di akhirat kelak.

Manakala orang yang tidak ingat mati, yang hanya berfikir tentang dunia yang fana, sibuk mengumpulkan dunia tanpa peduli akhirat yang abadi, tidak peduli halal haram, suka berbohong, berani buka aurat, derhaka kepada ibu bapa, tidak memuliakan guru, bahkan jika berbuat baik pun hanya semata-mata untuk tujuan duniawi dan mendapat pujian di mata manusia. Ingatlah firman Allah SWT yang bermaksud,


"Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat, Allah jadikan mereka memandang indah perbuatan duniawi mereka sehingga mereka hidup bergelumang dengan dosa"

(QS 27:4).

Allah SWT juga ada menggelar mereka dengan gelaran "Zholuman Jahuulaa" yang bermaksud, orang yang sangat zalim lagi bodoh.

(QS 33:72)

Semoga Allah SWT selalu membimbing anak-anak, agar menjadi hamba Allah yang bijak, berakhlak mulia, dan selalu mengingati kehidupan setelah kematian. Amin Ya Rabb.





Persahabatan



Oleh: Dr. Muhammad Ikram bin Abu Hassan
Kuliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Bismillahirrahmanirrahim...

Hari ini abang akan kongsi dengan adik-adik satu hadis yang sangat penting tentang persahabatan ataupun "kawan".

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: « لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ. (رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ). »

Daripada Abu Hamzah Anas ibn Malik RA, Nabi SAW, Baginda bersabda: Seseorang kamu tidak benar-benar beriman sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri.

Perbincangan Sanad Hadis

Hadis riwayat al-Imam al-Bukhari dan Muslim.

Hadis ini menyebut perkataan "saudara" maksudnya kawan-kawan atau sahabat kita lah ye. Contohnya sahabat kita dalam kelas, kawan kita di sekitar perumahan kita, kawan sama tuisyen bersama kita.

Ok, dah faham kan hadis di atas? Kalau tak faham, cuba minta ayah atau ibu terangkan.

Dah faham? Ok. Apakah pengajaran yang boleh diambil daripada hadis ini adik-adik?

Pengajaran pertama:

Sesuatu yang kita suka pada diri kita, begitu juga kita suka perkara tersebut pada orang lain.

Apa contohnya?

Kita suka tak orang sayang kita dan buat baik pada kita? Ha ... Jadi kita juga suka orang lain buat baik pada orang lain. Jangan nak orang buat baik kat kita je, tapi kita tak nak buat baik pada orang lain.

Contoh lain ...

Kita suka tak orang kongsi mainan dengan kita? Suka kan? Jadi kita pun kena kongsi mainan dengan orang lain.

Pendek kata, semua yang kita suka orang buat kepada kita, kita juga suka untuk buat pada orang lain.





Pengajaran kedua:

Kita tidak boleh hanya pentingkan diri kita sahaja. Kita mesti fikirkan orang lain juga.

Contohnya bagaimana?

Apabila kita lihat kawan-kawan kita yang lapar tak ada makanan, kita mesti fikir nak tolong kawan kita tu. Kita suka semua kawan-kawan kita kenyang sama-sama dengan kita. Nanti boleh main sama-sama. Betul tak?

Pengajaran ketiga:

Kita tidak boleh bermegah-megah atau menunjuk-nunjuk apa yang ada pada kita.

Nak dengar contoh?

Kalau kita bawa bekal makanan, dan kawan kita tak bawa bekal, kita tak boleh kata, "Mak aku masak untuk aku, sedap!! Ada nuget tiga biji ... Engkau ada?" Sepatutnya kita kena fikir, "Kesian dia tak bawa bekal hari ni. Mungkin mak dia tak sihat kot". Lalu kita ajak kawan kita makan sama-sama.

Tak baik tau menunjuk-nunjuk. Nikmat kan sementara sahaja?

Pengajaran terakhir:

Kita tak boleh berdengki terhadap sesuatu kebaikan yang ada pada kawan kita.

Adik-adik mesti nak contoh lagi kan?

Sekiranya salah seorang kawan kita dapat nombor 1 dalam kelas, kita perlu menyebut "Alhamdulillah, sahabat aku telah berjaya. Ini mesti sebab dia usaha lebih dari aku. Insyallah, aku akan usaha lebih lagi. Semoga semua berjaya bersama-sama".

Dan adik-adik juga kena ingat, kadang-kadang kawan kita dapat nombor satu dalam kelas, tak semestinya dia ada basikal di rumah dia. Tak semestinya dia ada video game. Jadi, kita juga ada nikmat yang dia tidak ada. Betul tak?

Jadi, jangan dengki dengan nikmat dan kelebihan yang Allah bagi kerana semua itu kan hanya sementara sahaja?

Kalau begitu, apa kita perlu buat jika lihat kawan kita dapat nombor 1 dalam kelas?

Kita bersyukur kepada Allah atas kejayaan kawan kita. Aku akan contohi dia supaya aku pun boleh berjaya. Kan indah kalau semua orang berjaya sama-sama!

Semoga kita dapat mengambil manfaat daripada pesanan junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW ini.

Wallahuaallah.





Fardu Ain/Kifayah



Oleh: Dr. Muhammad Ikram bin Abu Hassan
Kuliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Hari ini abang ingin berbicara dengan adik-adik tentang Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Fardu Ain dan Fardu Kifayah ini bukan nama orang ye adik-adik!

Sebelum abang terangkan maksud kedua-duanya. Adik-adik kena jawab soalan abang dulu.

1. Adik-adik suka solat tak?
2. Solat tu wajib tak?
Wajib kan?
3. Adik-adik suka tolong orang tak?
4. Tolong orang tu Wajib tak?

Sunat sekiranya kita mampu menolong orang yang berada dalam kesusahan. Tapi boleh jadi wajib sekiranya hanya kita seorang sahaja yang mampu tolong. Contohnya, kita pergi mandi sungai sama-sama, ada kawan lemas. Hanya adik sorang sahaja yang ada di situ, boleh tolong campakkan pelampung kat kawan adik yang lemas tu. Maka jadi wajib lah kita tolong.

Ok, satu soalan lagi. Apa beza kewajipan solat, dan kewajipan tolong orang yang dalam kesusahan seperti dalam situasi di atas?

Haaa... Ada bezanya kan. Solat ni wajib ke atas kita

sehari semalam. Tak boleh ada orang yang ganti kita untuk solat. Contohnya, kita panggil adik kita "Adik, tolong solat untuk abang, abang tak larat la hari ni". Haa, tak boleh kan? Kita kena solat sendiri walaupun tak larat. Inilah dipanggil fardu Ain. Iaitu sesuatu kewajipan yang dituntut ke atas setiap umat Islam. Adik-adik kena solat, ibu, ayah, abang, kakak, nenek, tokwan, kawan-kawan, jiran-jiran. Semua kena solat sendiri.

Adapun tolong orang, maka ia hanya wajib bagi orang-orang tertentu sahaja. Tak perlulah semua orang buat. Contohnya mandi jenazah seseorang yang telah meninggal dunia. Hanya sebahagian sahaja yang menjadi kewajipan ke atas mereka. Kalau semua orang perlu mandikan jenazah tu nanti, habis la jenazah tu, kesian kat dia. Kalau orang yang tak pandai pun pergi mandikan juga, dia buat kasar-kasar ke, kesian dia.

Ha, sama la juga dengan tolong orang yang abang terangkan kat atas tadi. Bukan semua orang wajib tolong orang. Hanya orang yang pandai sahaja. Dan orang yang pandai tu dia sorang sahaja yang ada ketika itu dengan kawan dia.



Ok adik-adik dah fahamkan beza antara keduanya?

Mengapa ulama kita membahagikan kepada dua kewajipan ini?

Cuba adik-adik bayangkan kalau semua umat Islam hanya duduk di masjid, solat dari pagi sampai malam. Umi, ayah, abang, adik, semua solat sahaja sepanjang hari. Apa akan jadi?

Siapa nak masak untuk adik makan? Siapa nak pergi kerja belikan baju, beras untuk adik? Siapa nak ajar adik membaca, menulis, bercerita, mengira. Siapa nak ajar adik supaya pandai?

Siapa pula nak ambikan sampah kita setiap minggu? Kalau kita susah nanti siapa nak bantu?

Kalau kita tenggelam dalam sungai siapa nak selamatkan?

Kalau kita sakit, nak pergi klinik mana untuk ambil ubat?

Sekarang adik-adik nampak kan kenapa perlu ada fardhu ain dan fardhu kifayah?

Ada kewajipan yang semua orang kena buat seperti solat dan puasa.

Ada pula kewajipan yang sebahagian sahaja perlu buat. Doktor di hospital contohnya, kena ubat orang yang sakit. Itu kewajipan dia selain dia perlu solat.

Islam ini agama yang mementingkan kesihatan, kebahagiaan dan ilmu. Jadi semua perkara tersebut perlu ada orang yang melakukannya.

Adik-adik, besar nanti nak ambil tanggungjawab fardhu kifayah sebagai apa? Doktor? Cikgu? Ustaz? Petani? Polis? Tentera? Anggota Bomba? Atau apa?

Kongsikan bersama ibu dan ayah di rumah. Semoga berjumpa lagi adik-adik.



HUKUM MELAUNGKAN AZAN DALAM KEADAAN BERBARING

Sumber: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Soalan:

Assalamualaikum wbt. Pernah sekali saya masuk ke bilik azan, ada bilal yang bertugas sedang azan dalam keadaan berbaring. Bolehkah begitu ustaz? Apakah hukumnya? Mohon pencerahan ustaz.

Jawapan:

Walaikumussalam wbt. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT Selawat dan salam kami ucapkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para isteri dan keluarga Baginda, para sahabat, seterusnya golongan yang mengikuti jejak langkah Baginda sehingga hari kiamat.

Azan merupakan syiar islam yang paling besar bagi umat Islam. Setiap kalimah yang terkandung di dalam azan adalah rangkuman daripada akidah yang dianuti oleh umat Islam. Di dalam kalimah azan terkandung lafaz membesarkan dan mengagungkan Allah SWT serta mengakui tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah. Menzahirkan rasa cinta kepada Nabi. Mengajak umat islam agar mendirikan solat yang merupakan tiang agama dan juga menyeru agar umat islam berusaha sehingga mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

Ia disyariatkan ketika masuknya waktu solat. Bahkan para ulama menyebut bahawa azan adalah sunnah yang tidak boleh langsung ditinggalkan. Sehingga Nabi menyatakan kelebihan orang yang melaungkan azan. Daripada Abu Hurairah bahawa Nabi SAW bersabda:

لَوْ يَعْلَمُ النَّاسُ مَا فِي الْبَدَاءِ وَالصَّيْفِ الْأَوَّلِ ثُمَّ لَمْ يَجِدُوا إِلَّا أَنْ يَسْتَهْمُوا عَلَيْهِ لَاسْتَهَمُوا وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِي التَّهْجِيرِ لَاسْتَبَقُوا إِلَيْهِ وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِي الْعَتَمَةِ وَالصُّبْحِ لَأَتَوْهُمَا وَلَوْ حَبَوًّا

Maksudnya: Jika manusia tahu apa kelebihan melaungkan azan dan saf yang pertama dan mereka tidak akan mendapatkannya kecuali dengan mengundi nescaya mereka akan mengundi (berebut untuk memperoleh kedua perkara itu). Kalaulah mereka tahu kelebihan bersegera menunaikan solat pasti mereka akan bersegera. Dan jika mereka tahu kelebihan solat Isyak dan Maghrib (secara berjemaah) pasti mereka akan hadir solat walaupun terpaksa merangkak."

(Riwayat Al-Bukhari (615))



Kembali kepada persoalan yang dikemukakan, di antara sunnah yang perlu dijaga ketika azan ialah melaungkan azan dalam keadaan berdiri. Ini berdasarkan kepada hadis Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar. Nabi SAW bersabda:

كَانَ الْمُسْلِمُونَ حِينَ قَدِمُوا الْمَدِينَةَ يَجْتَمِعُونَ فَيَتَحَيَّيْتُونَ الصَّلَاةَ لَيْسَ يُنَادِي لَهَا فَتَكَلَّمُوا يَوْمًا فِي ذَلِكَ فَقَالَ بَعْضُهُمْ اتَّخَذُوا نَاقُوسًا مِثْلَ نَاقُوسِ النَّصَارَى وَقَالَ بَعْضُهُمْ بَلْ بُوْقًا مِثْلَ قَرْنِ الْيَهُودِ فَقَالَ عُمَرُ أَوْ لَا تَبْعَثُونَ رَجُلًا يُنَادِي بِالصَّلَاةِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا بِلَالُ قُمْ فَتَادِ بِالصَّلَاةِ

Maksudnya: "Ketika umat Islam sampai di Madinah, mereka berkumpul. Dalam masa yang sama mereka menunggu masuknya waktu solat. Pada masa itu tiada siapa yang memanggil orang ramai untuk menunaikan solat. Maka pada satu hari mereka bercakap berkenaan dengan perkara tersebut. Sebahagian daripada mereka berkata: Gunalah loceng sepertimana yang digunakan oleh orang Nasrani. Sebahagian yang lain berkata: Gunalah shofar 1 sepertimana yang digunakan oleh orang Yahudi. Umar berkata: Tidakkah elok jika kalian lantik seorang lelaki yang menyeru orang untuk menunaikan solat. Rasulullah SAW bersabda: Wahai Bilal, bangunlah dan serulah (orang ramai) menunaikan solat."

Riwayat Al-Bukhari (615), Abu Daud (498)

Berdasarkan hadis ini maka dapat kita faham daripada perintah Nabi kepada Bilal RA bahawa azan mesti dilaungkan dalam keadaan berdiri. Perkara ini pernah diulas oleh Sheikh Syaraful Haq Al-Azim Abadi. Beliau menukilkan pandangan Al-Khattabi yang diambil daripada kitab Ma'alim Al-Sunan. Al-Khattabi menyebut bahawa hadis ini menjadi dalil wajibnya untuk berdiri ketika azan. (Rujuk 'Aun Al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud, 7/150)

Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-Asqalani memberikan pandangan yang agak menarik di dalam isu ini. Beliau menyatakan bahawa Al-Qadhi Iyadh menyatakan bahawa hadis ini menjadi dalil akan wajibnya untuk berdiri ketika azan. Inilah pandangan yang pernah dikemukakan oleh Ibnu Al-Munzir, Ibnu Khuzaimah dan lain-lain. Namun apa yang dikemukakan oleh mereka dikomentari oleh Imam An-Nawawi. Beliau menyebut apa yang disebutkan Nabi bukan suruh berdiri akan tetapi Nabi mengarahkan Bilal untuk bangun pergi ke tempat yang lebih jelas supaya azan boleh didengari oleh semua orang. Arahan Nabi ini bukanlah bermaksud wajib berdiri sepertimana pandangan Al-Qadhi Iyadh dan lain-lain. Di sisi ulama bermazhab Syafi'i dan ulama Hanafiyah menyatakan yang berdiri ketika azan adalah sunnah. Bahkan jika seseorang azan dalam keadaan duduk sah azannya. (Rujuk Fath Al-Bari Syarh Sahih Al-Bukhari, 11/130).

Imam An-Nawawi menyebut bahawa sunat untuk berdiri ketika melaungkan azan. Ini supaya azan yang dilaungkan itu lebih jelas. (Rujuk Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab, 3/103).

Ini bermakna berdiri ketika melaungkan azan adalah sunnah bukannya wajib.

Kembali kepada persoalan yang dikemukakan, jika seseorang azan sambil berbaring hukumnya adalah makruh. Walaupun azan yang dilaungkannya sah namun perbuatan berbaring itu adalah makruh.

Sheikh Zakariyya Al-Ansari menyatakan bahawa jika seseorang duduk ketika melaungkan azan sedangkan dia mampu untuk berdiri maka perbuatannya itu adalah perbuatan yang makruh. Apatahlagi jika dia berbaring, maka perbuatan berbaring ketika melaungkan azan itu lebih teruk bahkan hampir kepada haram. (Rujuk Asna' Al-Matalib Fi Syarh Raudh Al-Tolib, 2/240)

Kesimpulannya, perbuatan berbaring ketika melaungkan azan adalah perbuatan yang makruh. Walaupun sah azannya namun perbuatan ini perlu dijauhi. Ini kerana perbuatan seperti ini dianggap sebagai tala'ub (bermain) dengan syiar yang mulia ini.

Semoga Allah memberikan kefahaman kepada kita semua. Wallahu'alam.

¹ Shofar adalah alat yang digunakan oleh orang Yahudi. Bunyinya seakan trompet akan tetapi ianya diperbuat daripada tanduk haiwan. Shofar pada kebiasaannya akan ditiup pada hari Rosh Hashanah ataupun dalam bahasa Hebrew ianya dinamakan sebagai Yom Teruah. Ianya jatuh pada tarikh 1-2 Tishrei iaitu pada bulan September atau Oktober menurut kalendar Gregorian. Ia juga akan ditiup pada hari Yom Kippur yang diadakan pada 10 Tishrei. Yom Kippur adalah hari di mana orang Yahudi akan berpuasa dan melakukan ibadah.



Peredaran Matahari, Bulan dan Bumi - Mengikuti Sains dan Al-Quran




Oleh : Cik Nur Natasyah binti Jumain

Kejadian pertukaran waktu siang dan malam mungkin telah sebatik dalam kehidupan seharian kita. Namun begitu, perlu kita ingat bahawa kejadian siang dan malam hanya boleh berlaku dengan izin dan kebesaran Allah SWT.

Sains moden telah menggariskan proses peredaran matahari dan bulan yang membolehkan kejadian pertukaran siang dan malam ini berlaku, yang juga disebutkan dalam Al-Quran sejak lebih 1400 tahun yang lalu.

Dengan mempelajari sains mengenai peredaran matahari dan bulan, kita boleh menghayati kebesaran Allah SWT.

Bumi dan juga planet-planet yang lain beredar mengelilingi matahari pada orbit masing-masing. Manakala, bulan mengelilingi bumi pada orbitnya sendiri.






Ini telah disebutkan dalam Surah Al-Anbiya dan Surah Yaasin.

"Dan Dia lah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, serta matahari dan bulan; tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas)." - Al Anbiya 33

"Dan matahari berjalan ditempat peredarannya. Demikianlah ketetapan Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui." - Yaasin 38

Bumi berputar pada paksinya dari arah Barat ke Timur dan satu pusingan mengambil masa 24 jam atau 1 tahun.

Bumi beredar mengelilingi matahari mengikut arah lawan jam dan satu peredaran lengkap mengambil masa 1 tahun atau $365 \frac{1}{4}$ hari.





Nama-nama Planet dalam Sistem Suria

Utarid



Zuhrah



Bumi




Marikh




Musytari



Zuhal



Uranus




Neptun





Oleh : Encik Mohd Khairul Anuar bin A.Rahman
Pelukis Kartun



Pengajaran: Kita haruslah selidik dahulu sebelum mengambil apa-apa tindakan. Selain itu, jangan mudah bersangka buruk terhadap seseorang.



KISAH NABI ADAM: MANUSIA PERTAMA CIPTAAN ALLAH SWT



Oleh : Nur Madiah binti Rakes Junaidi
Bahagian Penerbitan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Nabi Adam AS merupakan manusia pertama yang dijadikan oleh Allah SWT daripada tanah lalu dibentuk berupa manusia dan kemudian ditiupkan roh ke dalamnya lalu hidup menjadi manusia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hijr (ayat 26) yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kami jadikan manusia dari tanah yang kering serta tanah hitam yang busuk."

Semasa Nabi Adam dicipta, terdapat juga makhluk-makhluk lain yang telah sedia ada di dalam syurga. Nabi Adam AS dijadikan di dalam syurga. Pada ketika itu, telah ada Malaikat yang dijadikan daripada cahaya dan Jin yang dijadikan daripada api yang sangat panas. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hijr (ayat 27) yang bermaksud:

"Kami jadikan Jin sebelum manusia daripada api yang sangat panas."

Sebaik sahaja Allah menjadikan Nabi Adam AS dengan bentuk dan rupa paras yang elok, maka mengadakan

para Malaikat di syurga bersujud (hormat) atas perintah Allah kecuali Iblis. Iblis enggan mematuhi perintah Allah itu. Hal ini telah diceritakan di dalam al-Quran dalam Surah al-Baqarah (ayat 34) yang bermaksud:

"Ingatlah ketika Allah SWT berfirman kepada para Malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam, maka sujudlah mereka semua kecuali Iblis; dia enggan dan sombong, maka dia termasuk dalam golongan yang kafir"

Antara sebab utama yang menjadikan Iblis begitu sombong dan enggan mematuhi perintah Allah ada disebut di dalam Surah al-Hijr (ayat 32-35) yang bermaksud:

"Hai Iblis, Mengapakah engkau tidak mahu sujud bersama-sama dengan mereka yang bersujud itu? Sahut Iblis, "Tidak patut aku bersujud kepada manusia yang Engkau jadikan dari tanah kering, hitam dan busuk." Allah berfirman: Nyahlah engkau dari sini! Sesungguhnya engkau terusir! Sesungguhnya engkau mendapat kutukanKu hingga hari Kiamat." Dan Kami berfirman: "Wahai Adam! Tinggallah kamu dan isteri kamu dalam syurga dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa saja yang kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pokok ini (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadikan kamu dari golongan orang-orang yang zalim."

Adapun pendapat Malaikat semasa Nabi Adam AS dijadikan disebut dalam al-Quran pada ayat 30 Surah al-Baqarah yang bermaksud:

"Ketika Allah berfirman kepada Malaikat, 'Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang Khalifah di muka bumi iaitu manusia.' Jawab mereka, 'Adakah patut Engkau menjadikan seorang Khalifah di atas bumi ini yang akan membuat kebinasaan dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan); sedangkan kami bertasbih memuji Engkau dan mensucikan Engkau?' Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui perkara-perkara yang tidak kamu ketahui."

حواء
Hawa

آدم
Adam AS



Adakah firman Allah ini bermaksud Malaikat tidak suka manusia diciptakan. Jawapannya, tidak. Malaikat tidak membenci manusia tetapi para Malaikat kkuatir dan takut kalau-kalau manusia nanti akan menjadi hamba Allah yang suka membuat maksiat dan perbuatan jahat serta meringankan tanggungjawab mereka untuk menyembah Allah. Walaubagaimanapun, kebimbangan para Malaikat itu hilang setelah mendapatkan penerangan dan penjelasan daripada Allah SWT.

Pada mulanya, Nabi Adam AS tinggal bersendirian di Syurga Allah. Meskipun Nabi Adam AS dapat menikmati pelbagai keindahan dan kelazatan Syurga, Baginda tetap merasa kesepian kerana tidak ada makhluk lain yang serupa kejadiannya. Oleh sebab itu, Allah SWT telah menciptakan Siti Hawa sebagai pasangan kepada Nabi Adam AS. Dengan firman Allah di dalam Surah ar-Rum yang bermaksud:

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir."

Demikianlah Siti Hawa diciptakan oleh Allah lalu tinggallah mereka berdua di dalam Syurga sambil menikmati keindahan dan kelazatan Syurga yang telah disediakan kecuali larangan Allah dari memakan buah pohon Khuldi. Sebab-sebab larangan Allah itu, hanya Allah sahaja yang tahu. Itulah larangan pertama yang dikenakan oleh Allah kepada Nabi Adam AS dan Siti Hawa. Allah memberi amaran supaya kedua-duanya

haruslah berhati-hati agar tidak melanggar larangan-Nya. Iblis atau syaitan tahu akan larangan tersebut lalu mereka sedaya upaya berusaha untuk memperdayakan Nabi Adam AS dan Siti Hawa.

Suatu hari, Iblis merupakan dirinya selaku orang baik-baik dan bersih hati. Ia seolah-olah sedang bersedih hati dan disebabkan itu seisi Syurga pun datang menghampirinya termasuk Nabi Adam AS dan Siti Hawa. Lalu, mereka bertanya kepada Iblis, "Apakah yang menyebabkan engkau Iblis berdukacita? Apa yang engkau sedang fikirkan? Iblis atau syaitan itu menjawab, "Aku bersedih hati kerana memikirkan nasib engkau berdua (Adam dan Hawa) tidak dapat lagi lebih lama tinggal di dalam Syurga ini."

"Tidaklah Allah melarang engkau makan buah Khuldi itu melainkan supaya engkau jangan menjadi Malaikat atau tetap tinggal di dalam Syurga. Oleh itu, lekaslah engkau memakan buah Khuldi tersebut supaya engkau boleh terus tinggal di dalam Syurga ini." Rayu Iblis kepada Nabi Adam dan Siti Hawa. Mendengarkan pujukan Iblis itu akhirnya Nabi Adam dan Siti Hawa terpedaya dan memakan buah Khuldi itu. Allah murka kepada Nabi Adam AS kerana telah terpedaya dengan tipu daya syaitan sedangkan Allah telah memberi peringatan. Nabi Adam AS kemudiannya sujud kepada Allah dan memohon keampunan serta bertaubat tidak akan mengulangi lagi perbuatan tersebut. Allah menerima taubatnya.

Walaubagaimanapun, Nabi Adam dan Siti Hawa dipindahkan ke dunia buat sementara manakala Iblis dan syaitan diusir dari Syurga buat selama-lamanya. Kedua-duanya diletakkan di tempat yang berasingan




dan terpisah jauh. Mereka mencari-cari sesama mereka sehingga mereka dipertemukan semula di Padang Arafah iaitu di tempat jemaah haji wukuf semasa mengerjakan haji. Maka, mereka berdua memulakan kehidupan baharu sehingga melahirkan Qabil (lelaki) yang berkembar dengan Iqlima (perempuan), manakala Habil (lelaki) yang lahir berkembar dengan Labuda (perempuan).

Dalam hal Nabi Adam AS terpedaya oleh syaitan dan syaitan pula diusir keluar daripada Syurga, Iblis telah berdendam dengan manusia dan bersumpah untuk terus menghasut dan memperdaya manusia untuk sama-sama menjadi penghuni Neraka. Sebelum Iblis diusir keluar daripada Syurga, ia memohon kepada Allah SWT agar dipanjangkan umurnya hingga hari Kiamat dan Allah telah memperkenankannya. Cerita tentang sumpahnya Iblis akan menghasut manusia hingga hari Kiamat ada disebut di dalam al-Quran pada Surah al-Hijr (ayat 40-44) yang bermaksud:

"Sahut Iblis itu, 'Ya Tuhanku! Disebabkan Engkau telah menyesatkan aku, maka aku akan hiasi mereka (manusia) dengan kejahatan yang ada di atas muka bumi ini, dan akan aku sesatkan mereka semua kecuali hamba Engkau yang ikhlas.'

"Allah berfirman, 'Inilah janjiKu yang betul. Sesungguhnya terhadap hambaku, tiada berhak engkau menguasainya kecuali orang yang mahu mengikut engkau di antara orang-orang yang sesat. Sesungguhnya Neraka jahanam itulah tempat seksaan mereka semuanya. Bagi neraka itu ada tujuh buah pintu. Bagi tiap-tiap pintu itu ada bahagian yang ditentukan untuk orang-orang yang berdosa'

Beginitulah kisah Nabi Adam AS dan keluarga manusia pertama bersama Iblis, musuh utama manusia.





Tarian dan Senaman: Harus atau Dilarang?



Oleh : Dr. Taqwa binti Zabidi
Penolong Pengarah Kanan Bahagian Maqasid Syariah



Apa khabar adik-adik yang dikasihi? Kali ini kita ingin bertanya khabar tentang kesihatan adik-adik. Apakah aktiviti yang adik-adik lakukan untuk menjaga kesihatan? Ternyata terdapat pelbagai cara untuk memastikan diri kita sentiasa sihat. Malah ia adalah sebahagian perkara yang dituntut dalam Islam. Lihat sahaja bagaimana Rasulullah SAW menjaga kesihatan tubuhnya melalui cara bersukan dan beriadah.

Hari ini, beriadah dilakukan dalam pelbagai bentuk sama ada secara santai atau secara bersukan yang menuntut kekuatan fizikal, secara individu atau berkumpulan. Menariknya, ada yang menjadikan senaman harian atau mingguan sebagai satu aktiviti yang boleh meningkatkan kesihatan. Budaya pada hari ini telah melalui proses asimilasi yang utuh. Konsep santai dan sukan digabungkan menjadi satu aktiviti yang menyeronokkan di samping ingin mencapai objektif untuk menjaga kesihatan.

Menjurus kepada perkara yang ingin kita bincangkan kali ini ialah tarian sambil bersenam. Merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, tarian adalah gerakan badan, kaki dan tangan mengikut tingkah atau mengikut rentak muzik. Senaman pula ialah latihan gerak badan untuk menyihatkan badan. Dua aktiviti ini mempunyai persamaan daripada konsep gerakan badan. Perbezaannya terletak pada kewujudan rentak muzik bagi tarian. Dua konsep ini telah lama digabungkan menjadi satu. Senaman seumpama ini seperti zumba, poco-poco, tarian 1 Malaysia, dan yang pernah popular suatu ketika dahulu ialah panama dance dikatakan dapat memberi kepuasan dan keselesaan kepada para peserta kerana pelbagai rentak dan lagu yang dimainkan semasa senaman dilakukan.


Secara umumnya, senaman (atau riadah) dan tarian mempunyai asas dalam Islam. Tarian pernah dilakukan oleh orang Habsyah ketika menyambut kedatangan Rasulullah SAW sambil bermain senjata. Namun begitu, konteks tariannya adalah amat berbeza dengan konsep tarian pada hari ini. Ia dilakukan oleh kumpulan lelaki. Manakala tarian yang bertentangan dengan syariat yang lain seperti ada percampuran antara lelaki dan perempuan, digayakan sehingga menimbulkan keghairahan, tidak menutup aurat adalah perkara yang ditegah. Tarian yang mempunyai asas yang bertentangan dengan akidah juga dilarang daripada dilakukan. Ia penting demi menjaga kesucian Islam dan kehormatan diri sebagai seorang Muslim dan juga Muslimah.

Adik-adik perlu sedar bahawa dalam kita asyik mengikuti arus globalisasi pada hari ini, tidak semua perkara yang dilakukan oleh sesetengah orang adalah baik untuk kita laksanakan. Batas akhlak kita adalah berdasarkan panduan al-Quran dan sunnah. Menggerakkan tubuh badan dengan aksi yang mengghairahkan adalah dilarang, apalagi dengan memuat naik video perbuatan tersebut di laman media sosial untuk tontonan orang lain. Ia tidak langsung mencerminkan adab seorang Islam. Malah perbuatan tersebut telah tersasar jauh daripada objektif untuk menjaga kesihatan diri. Oleh itu, jika adik-adik ingin lakukan senaman tarian, pastikan ia dilakukan dalam kalangan kumpulan yang sama jantina dan tidak dipertontonkan kepada orang lain. Adik-adik perlu sentiasa sedar bahawa perbuatan tersebut adalah untuk mencapai kesihatan tubuh dan bukan semata-mata untuk mendapatkan keseronokan. Selamat beriadah dan kekal sihat untuk semua!






Cara Membuat Origami Burung




1

Mulakan dengan sekeping kertas segi empat sama, berwarna menghadap ke atas. Lipat separuh dan buka. Kemudian lipat separuh cara lain.




2

Balikkan kertas ke bahagian putih. Lipat kertas separuh, lipatan dengan baik dan buka, dan kemudian lipat lagi ke arah yang lain.




3

Menggunakan lipatan yang telah anda buat, bawa tiga sudut atas model ke sudut bawah. Ratakan kawasan model.




4

Lipat kepek segi tiga atas ke tengah dan buka



5

Lipat bahagian atas model ke bawah, lipatan dengan baik, dan buka.




6

Buka kepek paling atas model, bawa ke atas dan tekan sisi model ke dalam pada masa yang sama. Ratakan kawasan yang berkedut dengan kemas.




7

Balikkan model dan ulangi Langkah 4-6 di sisi lain.




8

Lipat kepek atas ke tengah model




9

Ulang di sisi lain




10

Lipat kedua-dua "kaki" model ke atas, lipatan dengan baik, kemudian buka




11

Di dalam lipat terbalik "kaki" di sepanjang lipatan yang baru anda buat



12

Di dalam lipat terbalik satu sisi untuk membuat kepala, kemudian lipat sayap ke bawah.



Burung yang siap



Oleh : Ismail Hashim

Buku Nona Dari Atuk



SETIAP malam, Atuk akan bercerita sebelum saya tidur. Saya suka mendengar cerita dari Atuk. Saya tidak suka cerita Si Tanggung yang menjadi anak derhaka apabila dirinya sudah menjadi kaya.

Suatu hari, Si Tanggung telah membawa isterinya bersiar-siar menggunakan kapalnya dan singgah di kampung halamannya. Si Talang dan Si Deruma datang membawa makanan kegemaran Si Tanggung ketika kecil dahulu.

Si Tanggung enggan mengaku Si Talang dan Si Deruma sebagai ibu bapanya di hadapan isterinya yang bangsawan itu. Si Tanggung telah menghalau mereka. Si Tanggung dan isterinya pulang semula ke kapal.

Disebabkan rasa sedih, Si Deruma telah mengangkat tangan ke langit dan berdoa kepada Tuhan supaya membalas perbuatan anaknya Si Tanggung itu yang derhaka itu.

Tiba-tiba petir berdentum dan angin bertiup kencang dan lautan semakin bergelora dan Si Tanggung mulai menyesal dan menjerit memanggil ibunya untuk memohon keampunan.



Kapal Si Tanggang pecah di lautan dipukul ombak yang kuat. Apabila ribut semakin reda, Si Tanggang dan semua anak kapalnya bertukar menjadi batu.



"Begitulah balasan anak derhaka, Aiman. Anak yang baik tidak derhaka kepada ibu dan ayahnya. Lain kali, Atuk akan menceritakan tentang diri Aiman," terang Atuk. Saya rasa tidak sabar mahu mendengarkan cerita saya itu.

Pagi itu Atuk dan Nenek ke surau Puteri Warisan melakukan solat subuh. Usai solat subuh berjemaah di surau pagi itu, Nenek terdengar suara bayi menangis. Dengan bantuan lampu picit di tangan Atuk, Nenek menyuluh ke arah objek yang berbalut dengan kain putih. Nenek membuka kain putih itu.



"Ya Allah, siapa yang buang bayi ni?" tanya Nenek.

Atuk datang mendapatkan Nenek. Tiba-tiba ada seorang perempuan mendatangi mereka berdua. Atuk dan Nenek berasa terkejut.

"Anak kami, Pak Cik...Mak Cik," ujar perempuan itu.



"Kenapa kamu berdua buang anak kamu di surau ni?" tanya Nenek.

Perempuan itu tidak menjawab pertanyaan Nenek. Dalam keadaan tergesa-gesa, perempuan itu menghilangkan diri subuh itu. Nenek membawa pulang anak itu. Atuk dan Nenek bersetuju menamakan bayi itu dengan nama Aiman.

"Macam mana nanti kalau perempuan tu datang semula mahu mengambil Aiman?" soal Nenek yang mulai berasa bimbang.

"Rasanya tidak, dah lapan tahun umur Aiman...tak nampak pun muka hidung perempuan itu datang ke rumah ni," balas Atuk.

"Saya dah sayang pada Aiman, saya tak mahu perempuan itu mengambil semula Aiman," ujar Nenek.

Tiba-tiba ada sebuah kereta masuk ke laman rumah Atuk dan Nenek. Dari perut kereta itu keluar sepasang lelaki dan perempuan.



"Nama saya Mariam. Panggil saja Yam. Ini suami saya...namanya Borhan," ujar perempuan itu.

"Apa tujuan kamu berdua datang ke sini?" tanya Atuk.

Mariam terdiam mungkin tidak tahu mahu memulakan ceritanya.



"Lapan tahun dulu, saya ada serahkan bayi lelaki kepada Pak Cik dan Mak Cik di surau kampung Puteri Warisan ini, boleh tak kami jumpa anak itu," ujar Mariam.

Mariam harus berterus terang kerana hanya itu sahaja, Mariam dapat berjumpa dengan anaknya itu.


"Sewaktu berada di semester tahun akhir universiti kami pernah melakukan hubungan terlarang tanpa bernikah, saya hamil dan saya takut nak berdepan dengan keluarga. Saya tinggal di rumah kawan setelah anak itu lahir dan saya tinggalkan di kaki lima surau Puteri Warisan ini," terang Mariam.

"Dah lapan tahun, kamu tinggalkan Aiman, baru sekarang kamu nak jumpa anak tu?" soal Nenek. Atuk cuba memujuk Nenek supaya bertenang.

"Tolonglah Mak Cik, kami pun dah menerima balasannya, dah lapan tahun kami berkahwin, hingga sekarang kami masih belum dikurniakan anak lagi," rayu Borhan. Atuk berasa kesian kepada mereka. Tiba-tiba Atuk menyeru nama saya.

"Aiman...Aiman...datang ke sini?" seru Atuk.

"Aiman...ini ibu...dan ini pula ayah Aiman," ujar Atuk.



Mariam memeluk Aiman. Borhan memegang tangan Aiman. Sejak itu Mariam dan Borhan selalu datang ke rumah Nenek dan Atuk untuk berjumpa Aiman. Aiman sungguh gembira dapat bertemu ayah dan ibunya semula. Atuk dan Nenek menerima mereka sebagai keluarga mereka sendiri.



Menjadi Anak



Oleh : Siti Raihani Binti Mohamed Saaid

Gadis kecil yang mendewasa
sebagai sahabat ibunya
sekutu ketika berdepan seteru
pantulan warna diri.
Peta kembara seribu pangkah
dibacanya antara rajuk dan gundah.

Dan dia,
bintang yang tak tertafsir
di langit jiwa ayah
kuntum berpagar duri
di kebun mawar nubari.

Alam mengasuhnya
setenang pantai berpasir kirana
dan sekuat gelombang segara
dicantikkan santun tutur
dibijakkan muslihat catur.





UJI MATA



**ADA BERAPA
EKOR ITIK?**

ضع الإجابة صحيحة مستعينا بالصور.

Letakkan jawapan yang betul pada gambar di bawah.





.2

.1



.4

.3



.6

.5



KENALI BUAH-BUAHAN DAN SAYUR-SAYURAN DI DALAM BAHASA ARAB



تَفَّاحَةٌ



بَيْضِخٌ



بَابَايَا



تَمْرٌ



أَنَانَسٌ



رُمَّانٌ



مَوْزٌ



بُرْتُقَالٌ



بَصَلٌ



طَمَاطِمٌ



بَاذِئْجَانٌ



عِنَبٌ



فُؤْلٌ



ثُومٌ



بَطَاظَا



جَزْرٌ



مَلْفُوفٌ



فِلْفِلٌ



بُرُوكِيٌّ



LET'S LEARN ENGLISH - MARI BELAJAR BAHASA INGGERIS

FRUITS AND COLOURS

BUAHAN-BUAHAN DAN WARNA

Orange and papaya are **orange**.

Banana and lemon are **yellow**.



Apple and cherry are **red**.

Watermelon and pear are **green**.

Grape and mangosteen are **purple**.


















Connect the fruits to their colours!





VOCABULARY - PERBENDAHARAAN KATA

	Bahasa Melayu	English
	<i>Ceri</i>	Cherry
	<i>Pisang</i>	Banana
	<i>Oren</i>	Orange
	<i>Anggur</i>	Grape
	<i>Buah Naga</i>	Dragon fruit
	<i>Pir</i>	Pear
	<i>Tembikai</i>	Watermelon
	<i>Epal</i>	Apple
	<i>Betik</i>	Papaya
	<i>Mangga</i>	Mango
	<i>Tembikai Susu</i>	Honeydew
	<i>Lemon</i>	Lemon
	<i>Nenas</i>	Pineapple
	<i>Manggis</i>	Mangosteen
	<i>Strawberi</i>	Strawberry


**LEARNING ACTIVITY - AKTIVITI PEMBELAJARAN**

Monti the monkey likes to eat banana, but the banana is at the other side of the maze. Can you help Monti to reach the banana?

Monti si monyet suka makan pisang, tetapi pisang itu berada di sisi lain labirin. Bolehkah anda membantu Monti mencapai pisang?



**Monti the
Monkey**



Banana

Thank you for helping Monti! Now, Monti can eat the banana happily!

Terima kasih kerana membantu Monti! Sekarang, Monti boleh makan pisang dengan gembira!



Rasulullah Sangat Memuliakan Guru

Rasulullah mendidik para sahabat agar memberikan hak dan penghormatan kepada guru. Sabda Rasulullah

لَيْسَ مِنْ أُمَّتِي مَنْ لَمْ يُجَلِّ كَبِيرَنَا، وَيَرْحَمِ صَغِيرَنَا، وَيَعْرِفَ لِعَالِمِنَا



“ **Bukanlah dikalangan umatku mereka yang tidak memuliakan orang yang lebih tua, mereka yang tidak menyayangi anak-anak kecil, dan mereka yang tidak memberikan hak kepada guru kami** ”

(Hadis Riwayat Ahmad)



DR. AHMAD SANUSI AZMI
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



DR AHMAD SANUSI



DR AHMAD SANUSI



DR AHMAD SANUSI




#DariTintāMembentukJiwa



COMBO S.E.J.J.W.A.

RM30
SAHAJA

SET A 1 PLUS+1




KEDAI BUKU JAKIM

03-8870 7445

#TEAMPENERBITANJAKIM



#DariTintaMembentuk Jiwa



COMBO S.E.J.I.W.A.

RM30
SAHAJA

SET B 1 PLUS+1



KEDAI BUKU JAKIM



03-8870 7445

#TEAMPENERBITANJAKIM



PROMOSI PENGHABISAN STOK SIRI KANAK-KANAK HADHARI

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM SIRI 10



1 SET (SIRI 1-10)
= RM10.00



KEDAI BUKU JAKIM

ARAS 3, BLOK B, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO.23, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA
03-8870 7445/7446/7401

KEDAI BUKU JAKIM



Info e-penerbitan JAKIM








PROMOSI PENGHABISAN STOK SIRI NOVEL REMAJA

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM SIRI 15

1 SET
=RM 8



KEDAI BUKU JAKIM

ARAS 3, BLOK B, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO.23, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA
03-8870 7445/7446/7401

KEDAI BUKU JAKIM



Info e-penerbitan JAKIM

